

Ribuan etnik Rohingya melarikan diri dari Myanmar menggunakan jalan laut setiap tahun.



‘Biarlah kami hidup di sini’

» **Etnik Rohingya** Muslim merintih, merayu bebaskan mereka daripada belenggu kesengsaraan

Oleh Syed Azwan Syed Ali
syedazwan@bh.com.my

Abdul Malik, 25, nampak polos dan lesu ketika ditemui di Hospital Kecemasan Dar Paing di pinggir Sittwe, wilayah Arakan (Rakhine), barat Myanmar.

Ketika itu, pelarian Rohingya itu masih belum pulih daripada kecederaan di belakang badannya akibat terkena tembakan polis dalam insiden rusuhan berdekatan Kem Pelarian Onh Taw Gyi di pinggir Sittwe, awal Ogos lalu.

Pertemuan selama 20 minit dengan bapa kepada tiga anak itu membuka mata penulis tentang nasib malang menimpa etnik Rohingya yang disifatkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebagai bangsa paling ditindas di dunia.

Pada awalnya Abdul Malik tenang ditemubual melalui seorang penterjemah beragama Buddha sebelum situasi

bertukar emosi apabila penterjemah berlalu pergi dari wad kecemasan itu.

Matanya yang tenang mula berkaca seolah-olah mahu menceritakan segala yang ditanggungnya walaupun kami dibatasi masalah bahasa. Beberapa pesakit lain di wad kecemasan pelarian Rohingya itu turut menangis dan sugul.

Prasangka menebal

“Biar saya terjemah,” kata seorang pemuda Rohingya, Mohd Ishaq, 18, yang berada di hospital itu selepas seorang petugas hospital itu cuba bercakap dalam bahasa Urdu dengan penulis.

Mereka cuba bercakap dalam bahasa Urdu kerana tidak percayakan penterjemah yang datang bersama penulis kerana prasangka agama dan kaum menebal di Arakan sejak berpuluh tahun lamanya.

“Tolonglah, jangan ganggu kami. Biarlah kami hidup di sini,” kata Abdul Malik menceritakan bagaimana etnik Rohingya dihalau, diserang dan rumah mereka dibakar kumpulan pelampau Buddha dengan ada antara mereka

Undang-undang untuk menindas

Di Myanmar, kumpulan ultra-nasionalis membakar sentimen agama dan perkawinan dengan menggunakan undang-undang menindas itu yang menganggap etnik Rohingya sebagai pendatang haram dari Bangladesh walaupun nenek moyang mereka mendiami Arakan sejak berkurun lamanya.

Ketika ini, penganut Islam termasuk etnik Rohingya mewakili kira-kira empat peratus daripada 60 juta penduduk Myanmar yang majoritinya beragama Buddha.

Arakan atau Rakhine yang juga antara wilayah miskin di Myanmar mempunyai empat juta penduduk dengan 25 peratus darinya penganut Islam, termasuk Rohingya.

Myanmar di bawah pentadbiran Presiden Thein Sein mengambil pendekatan memisahkan dua etnik itu dengan Rohingya ditempatkan di luar kawasan Sittwe di kem pelarian, manakala sebilangan kecil etnik Rakhine yang menjadi mangsa ditempatkan di penempatan baru antaranya di Set Yone Kha di kawasan bandar.

Tak dibenar keluar kawasan

Manakala di kawasan lain di Rakhine di mana etnik Rohingya adalah majoriti seperti Maungdaw dan Buthidaung berdekatan sempadan Bangladesh, etnik Rohingya tidak dibenarkan keluar dari kawasan yang dikawal ketat tentera, iaitu jauh lebih teruk daripada pengasingan di Sittwe.

Itu menerangkan kenapa etnik Rohingya tidak mahu ke hospital umum Sittwe yang mempunyai 600 katil dengan hanya 20 katil diperuntukkan untuk orang Islam, berbanding Hospital Dar Paing yang dilengkapi 12 katil.

Seorang pelarian Rohingya yang enggan dikenali mendakwa mereka takut ke hospital Sittwe kerana terdapat pesakit yang dibawa ke sana, tetapi tidak kembali.

"Saya lebih rela mati di sini (Dar Paing) dari dipindah ke Hospital Sittwe,"

kata Abdul Malik, bimbangkan keselamatan isteri dan anaknya yang berlung di Hospital Dar Paing.

Abdul Malik memberitahu bukan saja pelampau Buddha yang mengganggu mereka malah anggota keselamatan turut mengambil kesempatan ke atas pelarian Rohingya.

"Mereka ganggu isteri saya di kem," kata Abdul Malik sambil memandang isteri dan anak perempuannya yang dalam ketakutan menyebabkan penulis berasa sebak.

Lebih menyedihkan, penulis diberitahu pelarian Rohingya juga perlu memberi rasuah kepada anggota keselamatan supaya menjaga kawasan mereka dari diserang.

Dilayan seperti haiwan

Dalam satu insiden di Thandwe pada awal Oktober lalu, agensi berita AP melaporkan anggota keselamatan tidak menghalang pelampau Buddha membakar rumah penduduk Islam atau mencincang mangsa dan ada ketikanya pihak terbabit, termasuk polis, memberi galakan.

Dalam insiden yang berlaku beberapa jam sebelum Presiden Thein Sein melawat Rakhine itu, lima penduduk Islam dibunuh. Antara yang maut ialah wanita berusia 94 tahun dan lelaki berusia 89 tahun yang terlalu uzur untuk melarikan diri sebelum mati ditikam.

Penindasan oleh pihak berkuasa, termasuk meminta rasuah diakui pelarian Rohingya dari Kyaukpyu, Yusof Sultan, 58, yang melarikan diri ke Malaysia dengan bersesak-sesak bersama ratusan pelarian menaiki kapal selama dua minggu sebelum tiba di Langkawi.

"Kami sanggup buat apa saja untuk keluar dari Myanmar daripada dilayan seperti haiwan," kata Yusof antara ribuan etnik Rohingya yang melarikan diri dari Myanmar dengan meredah lautan sejak penghujung 1970-an selepas kerajaan junta memulakan operasi tentera besar-besaran bagi menghalau etnik paling ditindas di dunia itu.



Abdul Malik ketika ditemui di Hospital Dar Paing, Sittwe, Wilayah Arakan.

dibunuh dalam insiden tahun lalu.

Abdul Malik juga menceritakan tentang pasukan khas sempadan atau lonthein yang bertindak dengan sesuka hati untuk menangkap dan menghukum pelarian Rohingya.

Media tempatan Myanmar *Times* ketika itu melaporkan, ketegangan meletus di Sittwe selepas sekurang-kurangnya lima pelarian etnik Rohingya dilaporkan terbunuh kerana terbabit dalam kekecohan membabitkan anggota polis pada 9 Ogos lalu.

Insiden di Kem Pelarian Onh Taw Gyi itu berlaku ketika umat Islam menyambut Aidilfitri. Pelarian etnik Rohingya juga dilaporkan menyekat jalan masuk ke kawasan itu selepas mendakwa dua nelayan dipukul, dengan seorang daripadanya mati, oleh pihak berkuasa.

Penyelia Hospital Kecemasan Dar Paing, U Bha Khin memberitahu tiga kes kecederaan terpaksa dirujuk ke Hospital Umum Sittwe, kira-kira 20 minit dari situ.

Namun seperti pelarian Rohingya lain, Abdul Malik merayu tidak dihantar ke hospital umum itu di tengah-tengah Sittwe, ibu kota Rakhine (Arakan) yang kini umpama zon larangan bagi etnik Rohingya.

Masjid dibakar

Tinjauan penulis di Sittwe mendapati tiada kelibat Rohingya di bandar itu kecuali etnik Rakhine Buddha selepas insiden perbalahan etnik tahun lalu yang dikatakan berpunca tindakan tiga lelaki Rohingya merogol dan membunuh seorang wanita Rakhine Buddha di Kyauk Ni Maw.

Kejadian itu bagaimanapun, tidak diakui kumpulan Rohingya dan menyifatkan sebagai spekulasi terancang pihak tertentu untuk menyerang orang Islam.

Kebanyakan kediaman atau premis milik etnik Rohingya, termasuk masjid di Sittwe, hangus dibakar dalam kejadian membabitkan kumpulan pelampau Buddha itu.

Ditegah rakam gambar masjid

Penulis pada awalnya mahu merakamkan gambar masjid itu, namun ditegah daripada berbuat demikian bagi mengelakkan sebarang masalah oleh orang tengah yang membantu liputan itu selepas negeri Rakhine menutup pintunya kepada media asing kecuali petugas kemanusiaan.

Malah petugas kemanusiaan ke Sittwe juga perlu memohon permit perjalanan dari


kerajaan negeri Rakhine sebelum dibenarkan masuk ke wilayah konflik itu.

Konflik antara etnik Rakhine Buddha dan etnik Rohingya beragama Islam memuncak tahun lalu menyebabkan lebih 240 terkorban dan 140,000 hilang tempat tinggal.

Majoriti mangsa ialah etnik Rohingya yang dinafikan status warga negara oleh Kerajaan Myanmar sejak Citizenship Law 1982 dikuatkuasakan, kira-kira 30 tahun lalu.

Undang-undang itu menyebabkan Rohingya terkecuali daripada 135 etnik diiktiraf sebagai rakyat di Myanmar, yang menerima sistem demokrasi pada 2011 selepas berpuluh-puluh tahun di bawah belunggu pemerintahan junta tentera.





Kumpulan pelampau Buddha menindas etnik Rohingya di Wilayah Arakan, Myanmar.



Etnik Rohingya berarak menentang penindasan di Wilayah Arakan, Myanmar.

Terpaksa sorok perkataan 'Muslim'

Sentimen benci Islam menebal di Arakan



SYED AZWAN SYED ALI

bhnews@bh.com.my

Pada mata penduduk tempatan Rakhine Buddha Yang berabad lamanYa dibakar dengan sentimen anti-RohingYa dan semangat kebangsaan, RohingYa bukan sebahagian daripada MYanmar dan apa iua berkaitan dengan etnik itu akan dipandang serong.

"Di Burma (MYanmar) tiada istilah RohingYa, Yang ada hanValah Benggali," kata sukarelawan tempatan, Maung Yin di Kem Baw Du Pha, Sittwe.

Seperjalanan berada di ibu kota wilayah Arakan (Rakhine) itu, penulis merasai sentimen Islamofobia Yang menebal dalam kalangan etnik Rakhine Buddha, berbeza dengan situasi di Yangon.

Di ibu negeri MYanmar Yang menjadi hos edisi ke-27 Sukan SEA minggu lalu, denganut Islam bebas untuk berniaga, beriadah dan meneruskan kehidupan mereka.

Perbalahan agama

Manakala di Sittwe, etnik RohingYa beraagama Islam dilarang memasuki kawasan itu dengan kebanyakan premis milik orang Islam, termasuk rumah dan kedai dibakar dalam insiden perbalahan etnik tahun lalu Yang menyebabkan 240 nyawa dan lebih 140,000 hilang tempat tinggal.

Etnik RohingYa sebaliknya ditem-

patkan di kem pelarian di pinggir bandar Sittwe di kawasan sawah padi Yang terdedah kepada banjir setiap kali musim hujan.

Malah beberapa badan kemanusiaan antarabangsa termasuk Muslim Aid UK terpaksa menukar namanya kepada 'MA UK' oleh sukarelawan tempatan semata-mata untuk menyorokkan perkataan 'Muslim'.

Sentimen dirasai penulis juga senada dengan kenyataan Setiausaha Agung Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Prof Ekmeleddin Ihsanoglu Yang menyifatkan perbalahan antara etnik Rakhine Buddha dan etnik RohingYa Muslim berpunca daripada ketidakfahaman antara satu sama lain.

Propaganda palsu di media sosial

"Ada ketakutan, prasangka dan ketidakpercayaan Yang dicetuskan propaganda palsu terhadap Islam dan pengsanutnya oleh media sosial serta kelompok ekstremis," kata Ihsanoglu dalam laporan sebuah portal berita selepas lawatan tiga hari delegasi OIC ke wilayah itu berakhir 17 November lalu.

Selama hampir seminggu di Rakhine, penulis melawat tiga kem pelarian, termasuk Baw Du Pha, Yang menempatkan 17,000 pelarian etnik RohingYa Yang menjadi mangsa da-



Etnik Rohingya hidup dalam serba kekurangan di salah sebuah kem pelarian di Arakan.

lam insiden perbalahan etnik tahun lalu.

Penulis juga sempat mengunjungi penempatan semula 3,000 etnik Rakhine Buddha di Set Yone Kya Yang turut menjadi mangsa dalam insiden sama.

Kunjungan ke Baw Du Pha Yang dikawal tentera MYanmar menemukan penulis dengan Mohd Jamil, 48, pelarian etnik RohingYa Yang fasih berbahasa Melayu kerana pernah berlindung di Malaysia selama lebih 10 tahun sebelum kembali ke MYanmar pada 2003.

"Sini semua susah, makan susah, jalan (bergerak) susah, anak belajar susah, nak hidup pun susah," katanYa ketika ditemui di sebuah kedai kopi sambil diperhatikan anggota kesela-

matan Yang memantau 300 meter di sebuah pos kawalan di kem pelarian itu.

Tak iktiraf warga negara

Di MYanmar, etnik RohingYa tidak diiktiraf sebagai warga negara seperti mana 135 etnik lain. Mereka dinafikan hak untuk mendapatkan pendidikan, kesihatan malah dilarang untuk bergerak dari satu kawasan ke kawasan lain.

Etnik itu juga perlu mendapatkan kebenaran daripada pihak berkuasa untuk berkahwin dan dikenakan dasar dua anak bagi mengawal pertumbuhan populasi RohingYa, terutama di Maungdaw dan Buthidaung di sempadan MYanmar-Bangladesh Yang mana etnik RohingYa adalah majoriti.



"Ada ketakutan, prasangka dan ketidakpercayaan yang dicetuskan propaganda palsu terhadap Islam dan penganihannya oleh media sosial serta kelompok ekstremis"

Prof Ekmeleddin Ihsanoglu
Setiausaha Agung
Pertubuhan Kerjasama
Islam (OIC)

"Sini semua susah, makan susah, jalan (bergerak) susah, anak belajar susah, nak hidup pun susah"

Mohd Jamil
Penduduk kem pelarian
Baw Du Pha

"Kadang-kadang ada (pasangan) tunggus sampai setahun sebelum dapat kahwin. Ada juga beri rasuah untuk kahwin," kata Jamil yang berasal dari Nazi, Sittwe.

Nor Amin Muhammad Amin yang menjual sirih di kedai kopi itu pula, berkata dia hanya mahu keadaan kembali seperti biasa walaupun menedari Kerajaan Myanmar belum tentu menerima etnik Rohingya sebagai rakyat.

"Kami mahu hidup seperti biasa dilayan seperti orang lain," katanya diterjemahkan Jamil yang kemudian membawa penulis melihat "rumahnya" iaitu sebuah bilik beratap zink dan berdingking buluh berukuran empat meter panjang dan lebar yang didiami lebih enam ahli keluarganya di berek kem pelarian etnik Rohingya di Baw Du Pha.

Aktivist demokrasi Myanmar, Dr Maung Zarni menjelaskan episod penderitaan etnik Rohingya bermula selepas Jeneral Ne Win mengambil alih tampuk pemerintahan melalui rampasan kuasa pada 1962 sebelum menalakan operasi ketenteraan menghalau etnik itu dari Myanmar.

Sikap rasis pemimpin

"Ne Win menginstitusikan sikap rasis bukan hanya kepada Rohingya tapi etnik lain juga," katanya meruiuk pendekatan pecah dan perintah di kalangan kerajaan junta tentera ketika itu, sebelum meluluskan Citizenship Law 1982 yang menepikan Rohingya sebagai kumpulan etnik di Myanmar.

Sebelum itu, Myanmar (ketika itu Burma) memberi kerakyatan kepada mana-mana individu yang dapat membuktikan mereka berada di Myanmar lawan tahun sebelum ke-

merdeka 1948.

Bagi Dr Zarni, agama bukannya punca menyemarakkan ketegangan di Arakan, sebaliknya ia bertitik tolak daripada isu politik dan ekonomi dengan menggunakan Citizenship Law 1982 sebagai 'jalan sah' untuk melakukan pembersihan etnik ke atas Rohingya.

Citizenship Law 1982 memadamkan etnik Rohingya daripada rekod rasmi negara selepas kerajaan junta merampas semua bentuk pengenal diri dan identiti Rohingya.

Keadaan itu menyebabkan etnik Rohingya menjadi pelarian di bumi kelahiran mereka dengan sebilangan besar lari keluar dari Arakan seawal penghujung 1970-an dengan ribuan lemas kerana bot karam di laut.

Henti beri bantuan

Lebih memburukkan keadaan apabila Bangladesh yang sebelum ini menjadi tempat perlindungan 300,000 pelarian etnik Rohingya mula menutup pintu.

Malah, Kerajaan Bangladesh turut mengarahkan tiga badan kemanusiaan antarabangsa, termasuk Muslim Aid UK menghentikan bantuannya di kem pelarian Rohingya di Cox' Bazar, Chittagong di sempadan Bangladesh-Myanmar kerana kononnya bantuan kemanusiaan itu menggalakkan lebih ramai etnik Rohingya melarikan diri ke negara itu.

Sebelum keluar dari kem pelarian di Baw Du Pha, penulis sempat mengajukan kepada Jamil apakah beliau akan keluar menyalamatkan diri dari terus ditindas di Myanmar, namun penganggur kurus kering berkain pelikat itu hanya menjawab: "Saya hidup mati pun di sini. Sini saya lahir, nak pergi mana lagi".

Pendekatan strategik Malaysia hadapi pertikaian Laut China Selatan

Laut China Selatan adalah kawasan perairan yang dikatakan kaya dengan sumber alam semula jadi seperti perikanan, minyak dan gas. Ia juga kawasan laluan yang sangat sibuk antara Barat dan Timur, khususnya laluan perdagangan ke China dan Jepun dari Timur Tengah.

Memperlihatkan kepentingan kawasan Laut China Selatan ini menyebabkan berlaku tuntutan bertindih di keseluruhan wilayah kepulauan yang ada di situ oleh enam negara iaitu China, Malaysia, Vietnam, Filipina, Taiwan dan Brunei.

China misalnya menuntut keseluruhan kepulauan di Laut China Selatan yang merangkumi Kepulauan Paracel, Kepulauan Spratly, Tebing Macclesfield dan Terumbu Scarborough. Kepulauan Paracel juga dituntut Vietnam.

Tuntutan cetus pertikaian

Kepulauan Spratly mempunyai kawasan seluas 150,000 batu persegi dan lebih daripada 750 pulau kecil dan terumbu. Kedudukan Spratly yang strategik menyebabkan ia dituntut oleh keenam-enam negara tadi. Asas kepada tuntutan mereka agak bercampur-campur yang mana ada yang menuntut di atas dasar sejarah masa lalu, penerokaan, penguasaan efektif, kedudukan geografi, Zon Ekonomi Eksklusif dan pelantar benua. Tuntutan ini telah bermula sejak 1946 yang mencetuskan pertikaian yang tiada kesudahan sehingga kini. Malaysia hanya menuntut sebahagian daripada kepulauan Spratly.

Diburukkan lagi adalah apabila Amerika Syarikat (AS) walaupun bukan negara penuntut di kepulauan itu cuba juga menuntut hak mereka untuk menjadikan Laut China Selatan sebagai wilayah laluan perkapalan yang bebas.

Menteri Luar China, Wang Li mengaku pada Ogos 2013 lalu bahawa walaupun pertikaian tuntutan bertindih wilayah di Laut China Selatan antara China dan beberapa negara ASEAN bukan isu antara kedua-dua pihak, tetapi hakikatnya ia mempunyai kesan terhadap hubungan China-ASEAN.

China buka pintu dialog

Oleh itu, China sentiasa membuka pintu dialog dan rundingan serta meneruskan prospek keputusan menang-menang, katanya ketika berucap di perasmian Forum Peringkat Tinggi mengenai Ulang Tahun ke-10 Perkonfisan Strategik ASEAN-China.

China ialah negara bertanggungjawab dan mematuhi dengan ketat Deklarasi Perilaku Pihak-Pihak di Laut China Selatan (DOC) yang ditandatangani pada 2002. China boleh secara berterusan bekerjasama dengan negara ASEAN dalam memajukan penubuhan kod perilaku (COC) di Laut China Selatan yang China dan ASEAN telah bersetuju untuk membentuknya di bawah rangka kerja delaksa-

naan DOC.

Bagaimana pula kedudukan Malaysia di dalam pertikaian di Laut China Selatan itu? Malaysia agak berbeza dengan negara ASEAN lain, khususnya Filipina yang melihat China sebagai ancaman. Malaysia tidak bimbang dengan tindakan China melakukan kawalan ketenteraan di Laut China Selatan meskipun berdekatan dengan kawasan operasi minyak dan gas Malaysia berdekatan Terumbu James.

Menteri Pertahanan, Datuk Hishammuddin Hussein di dalam satu temubual dengan *Bloomberg* menganggad China bukanlah sebagai musuh Malaysia kerana tahap kepercayaan antara kedua-dua negara adalah tinggi. Tindakan China itu juga tidak dilihat sebagai ancaman sekiranya niat rondaan itu bukanlah untuk tindakan ancaman berperang.

Agenda perundingan strategik

Malaysia mempunyai agenda perundingan strategik dengan China sejak 1991. Tahun 2014 nanti adalah ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik dan persahabatan Malaysia-China sejak 1974. Tahun hadapan juga Malaysia dan China bercadang mengadakan latihan ketenteraan bersama di Laut China Selatan. Jumlah perdagangan antara kedua-dua negara juga mencecah AS\$88 bilion pada 2012. Terdapat perancangan lima tahun untuk meningkatkan perdagangan dua hala kepada AS\$160 bilion yang antara lain mencakupi pertukaran ketenteraan darat dan laut serta makmal penerokaan sains angkasa lepas.

Malaysia juga mencadangkan subya pembangunan gas dan minyak di Laut China Selatan boleh dibentuk melalui penerokaan bersama dan kerjasama antara keenam-enam negara penuntut. China National Offshore Oil Corp menganggarkan bahawa Laut China Selatan mempunyai banyak sumber gas asli yang belum diterokai.

Pada Jun 2013, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menyeru semua pihak sama-sama meneroka sumber asli di sana supaya tidak berlakunya konflik lintas kekaayaan di Laut China Selatan boleh dikongsi bersama. Najib juga meminta supaya isu pertikaian ini diselesaikan melalui cara perundingan dan perbincangan di atas semangat saling hormat menghormati antara negara.

Memandangkan isu kedaulatan negara amat penting di samping jaminan untuk melindungi kepentingan negara, maka Malaysia pada 10 Oktober lalu untuk membuka satu lagi markas tentera laut di Bintulu, Sarawak yang berperanan melindungi kepentingan Malaysia dan pulau yang dituntut dan dikuasai Malaysia di Laut China Selatan.

Penulis

ialah Dekan Pusat Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia



MOHD AZIZUDDIN MOHD SANI

azizuddin@uum.edu.com.my

BH

Berita Harian

MERENTAS GENERASI

www.bharian.com.my

Eksklusif

Pelarian Rohingya cecah 30,463

» Jumlah meningkat sekali ganda berbanding 15,001 pada 2009: UNHCR

Oleh Syed Azwan Syed Ali
syedazwan@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Jumlah pelarian Rohingya di Malaysia makin meningkat dengan angka rasmi terkini mencecah sehingga 30,463 orang. Statistik terkini Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Untuk Pelarian (UNHCR) menunjukkan peningkatan sekali ganda dalam tempoh kurang empat tahun, berbanding 15,001 pelarian Rohingya berdaftar pada 2009.

Angka itu mewakili 28 peratus daripada 108,336 pelarian dan pemohon suaka politik yang berdaftar dengan UNHCR di negara ini sehingga bulan lalu.

642 etnik Rohingya ditahan
Data Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) pula menunjukkan 642 etnik Rohingya ditahan tahun lalu dengan 536 ditahan bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun ini.

Bagaimanapun, badan bukan kerajaan (NGO) tempatan menganggarkan jumlah pelarian Rohingya jauh lebih tinggi iaitu melebihi 40,000 orang.

► Nasional 12/13

ADI PUTRA
BUKAN
LARI TAPI
BERDIAM DIRI

★ HIP



JAGOAN JORAN

Pemenang Grand Slam GP Joran 2013, Kategori Laut Dalam, Asrul La Juang (kanan) dan Kategori Pantai, Mohd Zaini Ab Rashid, bersama kereta PERODUA MyVi dan PERODUA Viva Elite yang dimenangi masing-masing di Kuala Dungun, Terengganu, semalam. ► NASIONAL 17

PINJAMAN PTPTN

15,000 peluang pelajar baru terjejas jika RM300 juta tak dibayar

► NASIONAL 6

AUGMENTED REALITY

Laporan berita dan video

► NASIONAL 12/13




SELAMATKAN LAUT

Pakar pemuliharaan laut, Scott Cassell, kini dalam misi mendidik orang ramai tentang pemuliharaan eko-sistem laut. Beliau membawa bersama kapal selam dengan kapasiti dua orang, 'The Great White' ke Malaysia untuk misi ini. Mari kita bersama-sama Scott Cassell menyertai Kempen 'Selamatkan Laut' Luminor dan pameran 'The Great White'. Nikmati tawaran promosi hebat jam tangan Luminor dan banyak lagi.

Tarikh: 9 -15 September 2013
Masa: 10:00am - 10:00pm setiap hari
Tempat: Mid Valley Megamall, Kuala Lumpur
Ground Floor, North Court

Dengan Kerjasama:
AMERICA
Watch Dealers & Trading Co.
ESTD 1962



[FOTO SYAMSI SUHAIMI/ BH]

Tindakan REHDA dibidas

» *Umum*
kenaikan harga
rumah tanpa
bincang dengan
kementerian

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Alor Setar

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Abdul Rahman Dahlan (**gambar**) semalam membidas Persatuan Pemaju Perumahan dan Hartanah (REHDA) yang mengumumkan kenaikan harga rumah tanpa berbincang dengan pihaknya.

Katanya, tindakan REHDA mengumumkan kenaikan har-

ga rumah antara 10 dan 15 peratus dengan menjadikan pengurangan subsidi petrol sebagai alasan, dianggap perbuatan yang tidak bertanggungjawab dan boleh membebankan rakyat.

"Saya kecewa dengan REHDA kerana mengumumkan kenaikan itu terlalu awal. Mereka sepatutnya berbincang dengan pihak kementerian kerana kita ada formula sendiri untuk mencari kata sepakat."

Sukarkan rakvat

"Kita khawatir kenaikan diumumkan REHDA ini akan menimbulkan kebimbangan rakyat terutama dalam saat mereka berdepan kos kehidupan tertinggi terutama di kawasan bandar," katanya kepada

media selepas menghadiri majlis ramah mesra bersama komuniti, di sini, semalam.

Sebelum ini, Presiden REHDA, Datuk Seri Michael Yam Kong Choy, dilapor berkata peningkatan harga minyak sebanyak 20 sen dijangka menyumbang kepada peningkatan harga rumah sehingga 10 peratus.

Abdul Rahman berkata, pihaknya tidak bersetuju dengan tindakan REHDA berikutan pengurangan subsidi itu tidak boleh diterimah kepada kenaikan harga rumah sehingga 15 peratus.

Beliau berkata, jika ada kenaikan yang ingin dibuat REHDA sekali pun, pihaknya menjangka ia hanya akan membabitkan kadar lima pe-

ratus kerana itu anggaran paling maksimum.

Bincangkan kawal harga

"Kita akan adakan perjumpaan bersama Menteri Kewangan, Datuk Husni Hanadzlah, bagi membincangkan usaha untuk mengurangkan dan mengawal harga rumah."

"Sehingga kini kami sedang mengumpul maklumat untuk diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berhubung masalah sektor perumahan," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau memberitahu kementerian meluluskan peruntukan RM20 juta untuk membina ibu pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Kedah di Suka Menanti dekat sini.

Beliau berkata pembinaannya akan bermula tahun depan dengan kos permulaan RM8 juta dan selebihnya akan disalurkan secara berperingkat.



Muhiddin diiringi Zakaria (kiri) disambut pegawai kedutaan dan agensi kerajaan setibanya di hotel penginapan sempena lawatan kerja lima hari ke United Kingdom semalam.

[FOTO BERNAMA]

INFO

Hubungan dua hala Malaysia-UK

- ▣ Dalam sektor perdagangan, UK rakan pelaburan Malaysia keempat terbesar selepas Jerman, Belanda dan Perancis.
- ▣ Bagi tempoh Januari hingga Julai lalu, nilai dagangan meningkat 4 peratus kepada RM8,236.8 juta manakala tahun lalu ia merekodkan RM13 bilion.
- ▣ Lebih 15,000 pelajar Malaysia di universiti seluruh UK.

TPM bincang isu Syria

Abdul Razak
Raaf

raaffar@bh.com.my

London

Tan Sri MuhYiddin Yassin yang tiba di sini untuk memulakan lawatan kerja selama lima hari dijangka turut membincangkan isu konflik di Syria dalam pertemuan empat mata dengan rakan sejawatnya, Nick Clegg di Dover House, White Hall, di sini, esok.

Timbalan Perdana Menteri

dan isteri, Puan Seri Norainee Abdul Rahman tiba jam 9.10 pagi semalam di sambut PesuruhiaYa Tinggi Malaysia ke United Kingdom (UK), Datuk Seri Zakaria Sulong dan lebih 30 pegawai dan kakitangan pejabat PesuruhiaYa Tinggi Malaysia, di sini.

Zakaria berkata, isu semasa antarabangsa seperti krisis di Syria antara beberapa perkara yang bakal dibincangkan dalam pertemuan kedua-dua pemimpin berkenaan.

Katanya, Perdana Menteri Britain, David Cameron dalam ucapan pada Sidang Kemuncak Kumpulan G20 di St Pe-

tersburg, Russia kelmarin, turut menyatakan kesediaan untuk menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada penduduk Syria.

Britain tolak svor AS

Sebelum ini, rakvat Britain turut menolak usaha kerajaannya menvertai rakan sekutu kuat, Amerika Syarikat (AS) mengambil tindakan ketenteraan terhadap Syria yang didakwa menggunakan senjata kimia, Ogos lalu.

Cameron juga tidak mendapat sokongan Parlimen untuk menvertai misi ketenteraan terhadap rejim Presiden

Bashar al-Assad berhubung penggunaan senjata kimia.

"Ia adalah isu semasa antarabangsa yang sedang diperkatakan dan mungkin mereka turut membincangkannya secara umum."

"Namun, perbincangan pasti terarah kepada usaha meningkatkan hubungan dua hala Malaysia dan United Kingdom yang sudah lama terjalin terutama membabitkan bidang perdagangan dan pendidikan," katanya di sini, semalam.

Zakaria berkata, pertemuan kedua-dua Timbalan Perdana Menteri itu juga dijangka membincangkan penganiuran Forum Ekonomi Islam Sedunia Ke-9 yang diadakan di sini, dari 29 hingga 31 Oktober ini.

Malaysia tidak iktiraf pelarian Rohingya

Dari muka 1

Peningkatan kebaniiran pelarian Rohingya dikaitkan dengan konflik etnik dan situasi tidak menentu di Wilayah Arakan, Myanmar.

Temubual BH dengan pelarian Rohingya yang baru memasuki Malaysia beberapa bulan lalu mendedahkan mereka masuk melalui jalan darat atau laut.

Mereka memilih Malaysia kerana menganggap negara ini sebagai 'bersimpati' dengan mereka, selain mempunyai saudara-mara atau kenalan di sini sejak sekian lama.

Tak tandatangani konvensyen

Temubual dengan etnik Rohingya di tiga kem pelarian dalaman di Sittwe, Rakhine (Arakan), Myanmar, mendapati majoriti memilih Malaysia kerana beberapa faktor, antaranya Malaysia negara Islam, dari segi geografi dan kehadiran agensi UNHCR.

Kebanyakan mereka juga mempunyai gambaran Kerajaan Malaysia 'tidak menolak atau menerima Rohingya' tanpa mengetahui negara ini sebenarnya tidak mengiktiraf pelarian kerana Malaysia tidak menandatangani Konvensyen 1951 Berkaitan Orang Pelarian.

Sumber agensi penguatkuasaan kerajaan mengakui peningkatan pelarian Rohingya yang menjadi mangsa pembersihan etnik di Myanmar akan membawa implikasi sosial, ekonomi dan keselamatan kepada negara.

"Ia juga menimbulkan masalah kepada penguat kuasa," katanya yang membayangkan ada pelarian menjadikan kad pelarian UNHCR sebagai lesen besar untuk bergerak bebas dan melakukan apa saja.

"Mereka seperti kebal daripada undang-undang kita," katanya meneaskan isu itu bukan hanya membabitkan Rohingya tetapi etnik Myanmar lain yang turut mengalami kad UNHCR.

Tiada kerangka undang-undang

Jurucakap UNHCR, Yante Ismail, berkata ketiadaan kerangka undang-undang menyukarkan usaha menangani isu pelarian dan membuka ruang kepada keadaan tidak menentu.

Katanya, isu pelarian bergerak bebas fakta penting yang perlu diambil kira.

Pertambahan pelarian, menimbulkan persoalan mengenai keberkesanan dasar kerajaan dalam menangani isu pelarian Rohingya yang datang ke negara ini sejak awal 1990-an.

Menurut mereka, sudah tiba masanya kerajaan melakukan sesuatu yang konkrit menggunakan platform antarabangsa, seperti ASEAN bagi menangani isu itu.

Malaysia pernah mencapai kejayaan menangani 250,000 pelarian 'orang bot' Vietnam pada 1975 hingga 1991 yang ditempatkan di negara ini sebelum dihantar pulang ke negara asal atau negara ketiga.

"Mahu tidak mahu, sesuatu perlu dilakukan kerana mereka berada di kalangan kita sejak 30 tahun lalu," kata Timbalan Presiden Malaysian Relief Agency (MRA), Dr Ishak Mas'ud merujuk nasib dan masa depan generasi baru Rohingya yang lahir di negara ini.



Wartawan BH bergambar bersama penduduk Rohingya di Myanmar

EKSKLUSIF



'Kami dilayan seperti haiwan'

» Etnik Rohingya sanggup tempah maut keluar dari Myanmar

Oleh Sved Azwan Sved Ali
svedazwan@bh.com.my

Kuala Lumpur

"Kami sanggup buat apa saja untuk keluar dari Myanmar daripada dilayan seperti haiwan," kata pelarian etnik Rohingya dari Kyaukpadaung, Yusof Sultan, 58. Yusof Yang juga nelayan menemupuh perialanan lebih dua minggu bersesak-sesak seperti sardin di dalam sebuah kapal dari pekan Kyaukpadaung sebelum belayar dari pelabuhan ke pelabuhan di Yangon dan Thailand, sebelum tiba di Langkawi, pertengahan tahun ini. "Dalam kapal, ada

berpuluh-puluh keluarga. Semuanya ketakutan dan hanya mahu keluar meninggalkan Arakan," katanya. Yusof antara 26,500 etnik itu Yang dipaksa meninggalkan rumah mereka di barat Myanmar sejak krisis memuncak Oktober tahun lalu.

Yusof berkata, beliau dan isterinya, Fatimah, 56, membuat keputusan meninggalkan Kyaukpadaung selepas hampir semua rumah di perkampungannya dibakar kumpulan pelampau.

Ketika ditemubual di sebuah pangkalan di Cheras di sini, baru-

baru ini, Yusof dan keluarganya baru saja keluar dari Depoh Imigrasi setelah selesai diproses Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Pelarian (UNHCR).

Sekurang-kurangnya ada lima keluarga menumpang di rumah bangsa itu Yang turut didiami anaknya, Rohimuddin Yusof, 26, serta isteri, Yang tiba di negara ini tujuh tahun lalu.

Mahu cari perlindungan

"Kami datang sini bukan mahu wang atau makan tapi cari perlindungan. Kami tiada harapan di Arakan," kata Yusof sambil bercakapannya diterjemah Rohimuddin.

Rohimuddin Yang hanya mempunyai pendidikan agama, berkata beliau terpaksa lari dari Myanmar tujuh tahun lalu selepas pihak berkuasa mahu menangkannya kerana kesalahan keluar ke Yangon untuk menyambung pengajian.

"Berpuluh-puluh tahun kami ditindas. Orang Rohingya dilarang keluar dari kawasan kami," katanya Yang turut dipenjarakan sebelum bapanya menghantar beliau lari ke Malaysia melalui Thailand.

Pelarian tanpa negara

Rohimuddin berkata, walaupun etnik Rohingya berstatus pelarian tanpa negara dan tidak mempunyai dokumen, mereka masih boleh melakukan pelbagai kerja untuk sesuap nasi di negara ini.

Kebanyakan pelarian Rohingya Yang ditemubual penulis memberitahu sanggup melakukan apa saja untuk datang ke sini kerana mempunyai kenalan atau saudara di sini selain adanya Pejabat UNHCR.

"Malaysia juga negara Islam, kami orang Islam Yang harap simpati saudara Islam di sini," kata Yusof Yang berhasrat pulang ke Myanmar jika keadaan semakin baik.



Kami datang sini bukan mahu wang atau makan tapi cari perlindungan. Kami tiada harapan di Arakan"

Yusof Sultan, Pelarian etnik Rohingya



Berpuluh-puluh tahun kami ditindas. Orang Rohingya dilarang keluar dari kawasan kami"

Rohimuddin Yusof, Pelarian etnik Rohingya



Cari kaedah tangani isu pelarian Rohingya

» Elak masalah pertambahan jumlah pelarian, tiada dokumen pengenalan diri

Oleh Sved Azwan Sved Ali
svedazwan@bh.com.my

Kuala Lumpur

Kerajaan disaran merangka mekanisme atau dasar menyeluruh bagi menangani isu pelarian etnik Rohingya yang mendiami negara ini sejak 30 tahun lalu.

Mekanisme khas itu perlu bagi mengelakkan masalah pada masa depan memandangkan jumlah mereka yang

tidak mempunyai dokumen pengenalan diri itu dilaporkan melebihi 40,000, termasuk 30,463 yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Untuk Pelarian (UNHCR).

Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) yang terlibat dalam isu Rohingya, termasuk membantu kerajaan mendaftarkan pelarian, sejak awal 1970-an berpendapat sudah tiba masanya negara mengubah pendekatan dasar 'silent' terhadap etnik Rohingya.

Naib Presidennya, Mohamad Raimi Ab Rahim (**gambar**), berkata pendekatan sedia ada boleh menimbulkan masalah terutama dari segi undang-undang imigrasi kerana mereka tidak mempunyai hak untuk bekerja seperti pendatang sah lain.

"Masalah mereka ialah ti-

ada dokumentasi diri. Mereka berbeza dengan pelarian atau pendatang asing lain," katanya kepada BH ketika diminta menulas isu pelarian Rohingya.

30-463 orang

Akhbar ini dalam laporan eksklusifnya semalam melaporkan jumlah pelarian Rohingya kini mencecah 30,463 orang yang berdaftar dengan UNHCR sehingga Ogos lalu, iaitu peningkatan sekali ganda dalam tempoh kurang empat tahun, berbanding 15,001 pada 2009.

Keadaan itu dikaitkan dengan konflik dan situasi tidak menentu di wilayah Arakan, Myanmar, dengan ramai pihak bimbang ia membawa implikasi kepada perkembangan sosial, ekonomi dan keselamatan negara bagi tempoh jangka panjang.

Mohamad Raimi berkata Malaysia mempunyai keupa-



yaan untuk menyelesaikan masalah itu secara dalaman selain perlu menggunakan platform ASEAN untuk memberi tekanan kepada Myanmar dalam isu ini.

Katanya, ini dibuktikan dengan keajaiban negara menguruskan pelarian dari Vietnam, Selatan Filipina dan mangsa perang Bosnia yang ditempatkan sementara di negara ini, sebelum dihantar ke negara ketiga dan negara asal antara 1970-an sehingga 1990-an.

"Pendekatan sedia ada perlu ditambah baik," katanya.

Mohamad Raimi juga mencadangkan lebih banyak dialog antara agama diadakan bagi merungkai isu Rohingya kerana ia bukannya isu antara agama tetapi isu kemanusiaan.

Pengusaha pengangkutan awam dibantu

Petaline Java: Kementerian Pengangkutan akan membantu pengusaha pengangkutan awam mencari mekanisme terbaik mengatasi kerugian kesan pengurangan subsidi diesel dan petrol bagi memastikan mereka tidak menaikkan caj perkhidmatan dan logistik.

Pemangku Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata tindakan melalui menaikkan caj dikuatiri meningkatkan harga barang dan kos perkhidmatan lain yang membebaskan rakyat.

"Semua pengusaha industri pengangkutan awam di darat, laut atau sungai di negara ini tidak mengambil kesempatan menaikkan harga perkhidmatan atau caj logistik berikutan kenaikan harga petrol dan diesel," katanya dalam satu kenyataan media, di sini semalam.

Hishammuddin berkata, kementerian bersama agensi bertanggungjawab memantau dan menguatkuasa sistem pengangkutan awam bermesuarat di Kuala Lumpur semalam mengenai kesan pengurangan subsidi itu terhadap sektor pengangkutan awam.

"Mesuarat itu untuk mendapatkan maklum balas berhubung impak pengurangan subsidi diesel dan petrol RON95 dan diesel pada kadar 20 sen seliter, minggu lalu serta langkah bersepadu dilakukan kementerian untuk menanganinya," katanya.

Pengikut Syiah menuntut fahaman diperakui umum

Kuala Lumpur: Lebih 100 pengikut Syiah menuntut fahaman mereka diperakui umum apabila mengemukakan akuan berkanun di Mahkamah Sivik.

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Datuk Othman Mustapha, berkata kumpulan Syiah itu dianggotai individu berumur 25 tahun ke atas, termasuk penjawat awam.

Sehubungan itu, katanya, JAKIM dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sedang menialankan siasatan bagi mengenal pasti anggota kumpulan terbabit.

"Kita masih menyasat kesahihan perkara ini sebelum melakukan apa-apa tindakan."

"Pengikut Syiah di negara ini perlu bimbingan supaya fahaman dianuti mereka tidak terus menebal," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Sebelum itu, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan) JAKIM, Datuk Razali Shahabudin, berkata ulama dan cendekiawan Islam perlu mempertahankan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan tidak boleh berkompromi dalam cabaran Syiah.

"Mereka perlu ada rasa tanggungjawab untuk berhadapan dengan isu ini, sekali gus lebih agresif dan ielas menentang penyelewengan ajaran Syiah di negara ini."



Kehidupan rakyat Rohingya di Myanmar.

[FOTO]

Malaysia, Indonesia destinasi pilihan

Sittwe (Myanmar): Malaysia dan Indonesia menjadi dua destinasi pilihan pelarian Rohingya dari Myanmar untuk mencari perlindungan.

Kebanyakan yang ditemui oleh BH di kem pelarian, terletak di kawasan sawah padi, di pinggir Sittwe di sini mendakwa dua negara itu menjadi pilihan kerana faktor negara Islam, selain

mempunyai saudara mara atau kenalan yang tinggal di negara terbabit sejak bertahun lalu.

Nor Amin Muhammad Amin, 25, memberitahu bagaimana beliau menerima gambaran positif mengenai Malaysia sebagai negara Islam maju dan bersimpati kepada etnik Rohingya.

Katanya, badan bukan ke-

rajaan (NGO) dari Malaysia dan Indonesia juga ada datang ke Myanmar untuk memberikan bantuan kepada mereka.

"Kalau boleh saya mahu kerja di Malaysia cari kehidupan baru," katanya yang berniaga kecil-kecilan di warung kopi Kem Baw Dhu Pa yang menempatkan 17,000 pelarian Muslim Rohingya di sini.

Penulis mendapati Kerajaan Negeri Rakhine memisahkan penduduk Rakhine Buddha dengan etnik Rohingya selepas konflik memuncak hujung tahun lalu yang menyebabkan 140,000 orang menjadi pelarian dengan kira-kira 200 terbunuh dan ratusan cedera.

Dilarang ke bandar

Setiap keluar Rohingya tinggal dalam bilik berdinding buluh dan beratap zink dengan keluasan lima meter panjang dan lima meter lebar di kem pelarian. Mereka dilarang ke kawasan bandar yang kini hanya dihuni etnik Rakhine beragama Buddha.

Sepanjang perjalanan masuk dari Sittwe ke kawasan penempatan, pelarian juga dikawal anggota polis dan tentera yang memeriksa dokumen perjalanan mana-mana individu yang memasuki kawasan itu.

Pelarian Rohingya yang berasal dari Nazi, Sittwe, Mohd Jamil, 48, memberitahu kebanyakan pelarian masih hidup susah dan bergantung harap kepada bantuan asing.

Katanya, melarikan diri ke Bangladesh yang juga iiran terdekat Myanmar di sebelah barat, bukan lagi pilihan majoriti etnik Rohingya.

"Bangladesh pun negara miskin. Rakyat dia pun tak cukup makan, tempat tinggal," katanya yang pernah menetap lebih 10 tahun di Malaysia ketika zaman mudanya sebelum kembali ke Myanmar pada 2003.

Ketika ini, Kerajaan Myanmar masih membuka ruang kepada badan kemanusiaan untuk menghulurkan bantuan kepada etnik Rohingya dan Rakhine yang menjadi mangsa perbalahan kaum itu, tetapi ruang sama tidak diberi kepada media asing.

Kilang kicap guna botol arak, 'halal' tak iktiraf

Kuala Lumpur: Sebuah kilang memproses kicap bukan saja menggunakan botol arak kitar semula bagi menghasilkan produk keluarannya, malah memaparkan logo halal yang tidak diiktiraf.

Kegiatan itu dibongkar selepas Pejabat Perdaftaran Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PPDNKK-WPKL) melakukan serbuan ke premis berkenaan di Taman Tyn-ton, Cheras di sini, semalam.

Difahamkan, botol yang diimport dari Thailand itu direndam di belakang premis berkenaan selain proses mengisi kicap ke botol dilakukan secara manual oleh pekerja tanpa menitikberatkan soal kebersihan di kilang terbabit.

Pengarah PPDNKK-WPKL, Abu Samah Shabudin, berkata serbuan yang dilakukan itu hasil risikan selama dua bulan pihaknya selepas mendapat aduan daripada pengguna.

"Dalam serbuan pada jam 1.15 tengah hari itu, kami merampas 2,000 botol kicap, 20,000 botol kosong dan mesin pemprosesan yang dianggarkan bernilai RM150,000.

"Ketika serbuan dijalankan, lima pekerja kilang berkenaan dipercayai warga Indonesia yang sedang mengisi kicap ke botol sempat melarikan diri.

"Pemeriksaan lanjut ke dalam premis menemui bahan yang digunakan bagi menghasilkan produk kicap berkenaan termasuk tepung soya, gula dan karamel," katanya.

Katanya, pengusaha kilang berkenaan mendakwa sudah menyalakan operasi selama tiga bulan dan produknya dipasarkan di kawasan Lembah Klang.

Dituduh baling batu ke pejabat GERAKAN

Georgetown: Seorang lelaki dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini semalam, atas tuduhan membalik batu ke arah Ibu Pejabat GERAKAN Pulau Pinang sehingga dinding kaca pintu bangunan itu pecah pada Mac lalu.

Khor Eng Kim, 44, yang tidak diwakili peguam mengaku tidak bersalah dan memohon untuk dibicarakan.

Dia yang berasal dari Bukit Gambir, dituduh melakukan perbuatan khianat sehingga menyebabkan kerugian RM1,500 di ibu pejabat negeri untuk parti komponen Barisan Nasional (BN) itu di No 139, Jalan Macalister kira-kira jam 12.15 tengah hari pada 16 Mac lalu.

Dia didakwa mengikut Seksyen 427 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Timbalan Pendakwa Raya, Nurakmal Farhan Aziz memohon mahkamah menetapkan wang jaminan terhadap tertuduh RM4,000.

Majistret Dianne Ninograd Nor Azahar menetapkan wang jaminan RM2,500 dan 10 Oktober depan sebagai tarikh sebutan kes.

Pelarian Rohingya rayu benar bekerja

» **Minta terbitkan dokumen IMM13**

Oleh Sved Azwan Sved Ali
svedazwan@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

Pertubuhan Hak Asasi Etnik Rohingya Myanmar Malaysia (MERHROM) merayu kepada Kerajaan Malaysia supaya membenarkan pelarian Rohingya bekerja secara sah di negara ini.

Ia sekali gus membantu etnik pelarian dari Myanmar itu berdikari dan menampung keluarga mereka yang terpaksa mencari perlindungan di negara ini sejak 1990-an akibat konflik etnik di Wilayah Arakan.

Presidennya, Zafar Ahmad Abdul Ghani, berkata pihaknya meminta kerajaan me-

nimbang semula pemberian dokumen IMM13 bagi membolehkan pelarian Rohingya bekerja secara sah di negara ini.

Tidak dibenar bekerja

Katanya, walaupun sebilangan besar pelarian Rohingya berdaftar dengan Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Untuk Pelarian (UNHCR), mereka masih tidak dibenarkan bekerja selain tidak mempunyai akses kepada pendidikan dan kesihatan secara formal.

"Kita minta kerajaan pertimbangkan sambung IMM13 supaya kita boleh bekerja secara sah dan bukannya secara haram seperti sekarang," katanya kepada BH semalam.

Beliau mengulas usaha Kerajaan Malaysia mengeluarkan dokumen IMM13 pada 2004 bagi membolehkan pelarian etnik Rohingya bekerja secara sah.

Bagaimanapun, kerajaan terpaksa menarik semula pemberian dokumen Jabatan

Imigrasi itu pada 2006 berikutan dakwaan rasuah yang membabitkan pemimpin Rohingya.

Dokumen khas

Sebelum ini, kerajaan pernah mengeluarkan dokumen khas itu kepada pelarian tulen manasa peran dari selatan Filipina di Sabah bagi membolehkan meneruskan kehidupan sekitar 1970-an dan 1980-an.

Zafar Ahmad berkata, pelarian Rohingya yang memasuki negara ini memerlukan pekerjaan serta sanggup melakukan kerja rencam berba-
haYa bagi sesuap nasi.

"Kami tiada pilihan tinggal di sini kerana Arakan tidak selamat," katanya.

Beliau mendakwa etnik Rohingya yang tidak diiktiraf Kerajaan Myanmar, terus ditindas.

Akhbar ini dalam laporan eksklusifnya Isnin lalu melaporkan jumlah pelarian Rohingya kini mencecah 30,463 orang yang berdaftar dengan UNHCR sehingga Ogos lalu, ia-



“**Kita minta kerajaan pertimbangkan sambung IMM13 supaya kita boleh bekerja secara sah dan bukannya secara haram seperti sekarang”**

Zafar Ahmad Abdul Ghani,
Presiden MERHROM

itu peningkatan sekali ganda dalam tempoh kurang empat tahun, berbanding 15,001 pada 2009.

Keadaan itu dikaitkan dengan konflik dan situasi tidak menentu di wilayah Arakan, Myanmar, dengan ramai pihak bimbang ia membawa implikasi negatif kepada negara.



Zakaria (tengah) menandatangani pertukaran dokumen penyerahan tugas kepada Mohammad Soib (kiri) bagi menggantikan Nor Rasmi (kanan) pada Mailis Serah Tugas di Pejabat SPRM Kelantan, semalam.

[FOTO ZAMAN HURI ISA/BH]

SPRM lucut hak harta RM43 juta tahun lalu

Kota Bharu: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melucut hak dan harta bernilai RM43 juta sepanjang tahun lalu.

Ia selaras dengan transformasi dan peruntukan akta yang diperuntukkan kepada badan berkenaan.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM (Pengurusan & Profesionalisme), Datuk Zakaria Jaafar, berkata peningkatan itu setara berbanding RM2 juta pada 2009.

"Dulu kita pakai Akta Pencegahan Rasuah 1997 (ketika masih dikenali sebagai Badan

Pencegahan Rasuah atau BPR), tetapi dengan tertubuhnya SPRM, akta baru kita dipanggil Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 yang memberi beberapa kuasa baru.

"Dulu orang buat (lakukan) rasuah kena tangkap, kena dakwa, didapati bersalah, di-

hukum dan masuk penjara tetapi harta yang dibuat (diperoleh daripada) rasuah ada banyak lagi, jadi dengan akta ini, harta itu (boleh) dilucut hak.

"(Ada akta) memberi kuasa, apa saja harta yang didapati hasil perbuatan rasuah akan dilucut hak, ini satu perkara yang berlaku banyak peningkatan daripada peringkat awal dulu," katanya ketika Mailis Serah Tugas Pengarah SPRM Kelantan di Dewan Serba Guna Kompleks SPRM Negeri Kelantan, di sini, semalam.

Zakaria menandatangani upacara serah tugas Pengarah SPRM Kelantan, Mohamad Soib Abdullah bagi menggantikan Nor Rasmi Shari yang dinaikkan pangkat sebagai Ketua Unit Integriti Jabatan Penganjurkan Jalan (JPJ) Putrajaya.

Mohamad Soib sebelum itu bertugas sebagai Timbalan Pengarah SPRM Bahagian Kece-
merlangan dan Profesionalisme Putrajaya.

Sementara itu, Mohamad Soib berkata, SPRM Kelantan menerima 186 maklumat mengenai rasuah sepanjang tahun ini sehingga Ogos lalu.

Katanya, daripada jumlah itu tiga individu sudah dituduh di mahkamah dengan dua daripadanya mengaku salah, manakala seorang lagi masih dalam perbicaraan.

Beri sokongan padu kepada polis

◀ Dari muka 1

Sebaliknya, titah baginda moral anggota polis yang menegakkan keamanan, berkorban nyawa dan keselamatan diri wajib dipertahankan dan diberi sokongan padu oleh setiap rakyat yang mahukan keamanan.

Raja Nazrin bertitah berdasarkan laporan akhbar, kejadian jenayah berat terutama jenayah bunuh semakin menjadi-jadi di negara ini.

"Jenayah bunuh bukan saja dilaporkan semakin sering berlaku malah dilakukan secara ganas, kejam dan mengerikan hingga ke peringkat berlakunya kes pembunuhan di hadapan ibu tua, anak kecil dan dalam rumah ibadat," titah baginda.

Cabar undang-undang

Baginda bertitah perbuatan sekejam, seanas dan negeri sedemikian, seolah-olah memper-



"Jawatankuasa masjid dan surau serta Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung perlu tampil membantu polis dalam tugas kawalan serta menyampaikan maklumat keselamatan"

Raja Dr Nazrin Shah,
Pemangku Raja Perak

lihatkan sifat angkuh pihak tertentu mahu mencabar undang-undang negara serta melakukan provokasi mencabar penguat kuasa undang-undang.

"Jenayah akan berleluasa jika penjenayah beranggapan pihak berkuasa kurang tegas menguatkuasakan undang-undang.

"Jenayah semakin berani dilakukan jika penjenayah beranggapan bahawa mereka begitu mudah terlepas daripada tangkapan, mudah bebas da-

ridada dakwaan dan jika disabitkan, sekadar diatuhkan hukuman ringan," titah baginda.

Banteras secara kolektif

Berikutan itu, usaha membanteras jenayah hendaklah dijalankan secara kolektif di mana rakyat perlu turut sama memainkan peranan membantu polis.

"Jawatankuasa masjid dan surau serta Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung perlu tampil membantu polis dalam tugas kawalan serta menyampaikan maklumat keselamatan dan perlakuan jenayah kepada pihak polis dari semasa ke semasa.

"Dalam kawasan yang dianggap kritikal, program pengawasan oleh pihak awam mungkin perlu difikirkan dan diperkenalkan, agar tugas polis dapat diringkaskan," titah baginda.

Baginda juga menegaskan bahawa jenayah tidak boleh dikaitkan dengan faktor kaum atau motif politik kepartian.

"Penjenayah adalah penjenayah, penjenayah harus dilihat dari lensa sedemikian," titah baginda.

BERNAMA

Simpan dan Labur untuk Nikmati Persaraan anda dengan PRS.

PRS
Private Retirement Schemes

Save. Invest. Retire. Enjoy™

Mula menyimpan dan melabur dalam Skim Persaraan Swasta (PRS).

PRS adalah skim pelaburan sukarela jangka panjang yang ditawarkan oleh Penyedia PRS yang diluluskan. Ia direka untuk menyediakan dana tambahan bagi persaraan. PRS ditadbir secara pusat oleh Pentadbir Pencen Swasta (PPA) dan dikawal selia oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Tertakluk pada terma dan syarat.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.ppa.my atau hubungi talian 1300-131-PPA (772).



Tidak rancang keluar IMM13

» Permintaan etnik Rohingya tak dilayan

Oleh Sved Azwan Sved Ali
svedazwan@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kerajaan tidak mempunyai sebarang perancangan untuk mengeluarkan dokumen khas Imigrasi IMM13 kepada mana-mana pihak dalam masa terdekat ini.

Ini termasuk kepada pelarian Rohingya yang dilaporkan mencecah 40,000 orang di negara ini dan 30,463 daripadanya berdaftar sebagai pelarian dengan Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Untuk Pelarian (UNHCR) sehingga Ogos lalu.

Ketua Pengarah Imigrasi, Datuk Alias Ahmad (gambar), berkata demikian ketika mengulas me-



ngenai permintaan wakil pelarian etnik Rohingya yang berlandung di negara ini untuk dibenarkan bekerja secara sah.

"IMM13 tidak dikeluarkan lagi," katanYa dalam khidmat pesanan ringkas (SMS) kepada BH di sini, semalam.

Pada 2004, kerajaan mengumumkan untuk mengeluarkan dokumen khas itu kepada pelarian etnik Rohingya bagi membolehkan mereka bekerja secara sah di negara ini, namun menarik balik pada 2006 ketika proses pendaftaran di-

lakukan berikutan dakwaan rasuah dalam kalangan ketua komuniti Rohingya.

5,000 mendaftar

Difahamkan, sekurang-kurangnya 5,000 pelarian Rohingya mendaftar untuk IMM13.

Pertubuhan Hak Asasi Etnik Rohingya MYanmar Malaysia (MERHROM) kelmarin meraYu kepada Kerajaan Malaysia supaya membenarkan pelarian etnik Rohingya bekerja secara sah di negara ini, selain menyambung semula hasratnya mengeluarkan dokumen IMM13 pada 2006.

PresidenYa, Zafar Ahmad Abdul Ghani, berkata pelarian Rohingya yang mula memasuki negara ini sejak 1990-an, ekoran konflik di Wilayah Arakan, MYanmar, terpaksa bekerja secara haram di negara ini untuk menampung kehidupan.



EKSKLUSIF

Perketat saringan pelarian

» UNHCR didesak guna biometrik elak pendatang ambil kesempatan

Oleh Syed Azwan Syed Ali
syedazwan@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

PesuruhiaYa Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Untuk Pelarian (UNHCR) didesak mengesetatkan proses saringan pelarian dengan menggunakan sistem biometrik untuk mengesan kemasukan 'pelarian palsu' ke negara ini.

Langkah itu sudah dibincangkan dengan wakil tetap UNHCR sebelum ini dalam usaha kerajaan memastikan hanya pelarian tulen akibat perang dan konflik diberi status pelarian, bukannya pendatang semata-mata untuk mencari kerja.

Pelarian palsu meruiuk ke-

pada pendatang asing, kebanyakannya dari Myanmar yang memasuki negara ini secara sah sebagai pekerja asing atau pelancong, namun bertindak meluluskan dokumen masing-masing bagi mendapatkan status pelarian sebagai 'jalan pintas' untuk tinggal di sini, sebelum dihantar ke negara ketiga.

Ketua Pengarah Imigrasi, Datuk Alias Ahmad, berkata kerajaan memandang serius isu pelarian palsu yang menimbulkan masalah kepada pihak berkuasa.

Beliau berkata, pihaknya meminta UNHCR menggunakan pakai sistem biometrik yang akan mengimbas cap jari setiap individu yang memohon status pelarian untuk dipadankan dengan sistem biometrik di kesemua pintu masuk negara.

"Kita masih dalam proses berbincang dengan UNHCR mengenai perkara ini untuk memastikan hanya pelarian tulen diberi status pelarian dan kad UNHCR. Kita tidak mahu orang tiada kaitan, didaftarkan," katanya.

Lubus dokumen pengenalan diri

Sumber jabatan berkuasa memberitahu BH mengenai kewujudan warga asing, kebanyakannya dari Myanmar memasuki negara ini secara sah sebelum bertindak meluluskan dokumen pengenalan diri dan memohon status pelarian sebagai jalan pintas untuk ke negara ketiga. Ia berbeza dengan pelarian etnik Rohingya yang memasuki ne-

gara ini secara haram tanpa sebarang dokumen kerana konflik di wilayah Arakan, Myanmar.

Antara modus operandi digunakan ialah senjaja menghilangkan pasport dan mendapatkan rawatan di klinik UNHCR sebelum memohon status pelarian dengan agensi PBB itu menggunakan dokumen klinik berkenaan.


Statistik terkini UNHCR menunjukkan 92 peratus daripada 108,336 pelarian dan pemohon suaka di negara ini berasal dari Myanmar, manakala data Kementerian Dalam Negeri (KDN) menunjukkan hanya 113,000 daripada 257,000 pekerja Myanmar di Malaysia, mempunyai dokumen sah.

Isu pelarian

ROHINGYA



RALAT



Imam Abdul Malik Mujahid yang dipaparkan dalam temubual BH di muka surat 8 semalam adalah aktivis dan pemimpin Islam yang disegani di Amerika Syarikat (AS). Beliau juga adalah Pengerusi Burma Task Force USA dan Presiden Sound Vision dan bukannya seperti dilaporkan, semalam.

Hilang Upaya

Patah Tulang

Kecurian & Ragut

Hilang Pendapatan

Kematian

Hidup sememangnya indah...
namun ada ketikanya malang tidak berbau

Lebih daripada 165,000 kemalangan berlaku setiap tahun di Malaysia* dan sekurang-kurangnya satu kejadian ragut setiap jam[†]. Di EZTakaful, kami membantu anda bersedia menghadapi sebarang kemungkinan. Daftarlh sekarang dan nikmati tawaran istimewa.



RINGKAS

BERPATUTAN

MUDAH

Perlindungan Kemalangan
sehingga RM1,000,000

dengan pilihan perlindungan tambahan

Caruman serendah RM10/bulan
bersamaan dengan 33 sen sehari!

Penerimaan Dijamin untuk usia
18 - 70 tahun

Tiada pemeriksaan perubatan, tiada borang!



*Laporan UNESCAP & UNICEF Malaysia 2007; Pertubuhan Kesihatan Sedunia 2007
[†]Jabatan Statistik Malaysia

Untuk pendaftaran, sila hubungi kami di **1 300-82-0005**
atau SMS ez<jarak>b<jarak><nama> ke 39993 | www.eztakaful.com.my

ez takaful
lindungi semua yang tersayang

Penindasan Rohingya bukti kelemahan orang Islam

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad menyifatkan penindasan berterusan ke atas etnik Rohingya di Myanmar sebagai bukti kelemahan orang Islam seluruh dunia.

Presiden Yayasan Keamanan Global Perdana (PGPF) itu berkata, ia juga seolah-olah menunjukkan orang Islam mementingkan diri, ketika saudara mereka ditindas dan dibunuh di depan mata.

Sambil melahirkan kesedihannya, Tun Mahathir juga menegaskan orang Islam lemah kerana mereka memilih menjadi lemah dan kesempatan itu diambil oleh pembuli.

“Orang Islam di seluruh dunia sekarang lemah. Kebiasaannya, mereka tidak menyatakan bantahan bermakna terhadap kekejaman itu. Ia seperti orang Islam hanya mementingkan diri sendiri dan tidak pedulikan saudara mereka, ketika Islam menekankan semangat persaudaraan,” katanya dalam entri terkini di blog *chedet.cc*.

Akhbar ini melaporkan isu Rohingya sejak minggu lalu dengan angka terkini UNHCR menunjukkan lebih 30,000 pelarian etnik Rohingya berlindung di negara ini.

Orang Islam lemah, senang dibuli
Dr Mahathir berkata, orang Islam lemah dan senang dibuli dan apabila mereka dibuli, seperti dalam kes Rohingya, tiada saudara Islam yang membantu.

“Jadi bila mana pembuli mahu membuli, mereka akan memilih orang Islam,” katanya.

Beliau berkata tiada negara Islam membantah tindakan Myanmar yang melakukan keganasan ke atas etnik Rohingya yang menetap sejak berabad-abad lamanya di wilayah Rakhine, Myanmar, tetapi dinafikan hak mereka.

“Mereka dipaksa meninggalkan rumah dan negara mereka, melarikan diri naik bot yang kebanyakannya rosak dan menunggu untuk karam, semua negara tidak mahu menolong mereka dan bot mereka ditolak ke laut,” katanya.

Tun Mahathir juga hairan tindakan sami Buddha yang mengetuai serangan ganas ke atas orang Islam di Myanmar, sedangkan ajaran Buddha menolak keganasan.

“Ia seperti orang Islam hanya mementingkan diri sendiri dan tidak pedulikan saudara mereka, ketika Islam menekankan semangat persaudaraan”

Tun Dr Mahathir Mohamad,
Presiden Yayasan Keamanan Global Perdana

UNHCR bantu kekang ‘pelarian palsu’

» **Teroka peluang tingkat ciri keselamatan elak penipuan**

Oleh Syed Azwan Syed Ali
syedazwan@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Untuk Pelarian (UNHCR) akan bekerjasama dengan kerajaan bagi mengemukakan proses saringan pelarian, termasuk meningkatkan tahap keselamatan kad UNHCR yang dikeluarkan kepada golongan itu.

Ini bagi mengekang kemasukan ‘pelarian palsu’ dan me-

ngelakkan kes pemalsuan kad UNHCR oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Jurucakap UNHCR, Yante Ismail, berkata UNHCR sentiasa dan akan terus mengemukakan proses saringannya bagi memastikan hanya individu yang layak diberi status pelarian mendapat perlindungan antarabangsa.

Katanya, pelarian diiktiraf akan diberi kad UNHCR bagi mengesahkan status mereka dengan ciri-ciri keselamatan, antaranya mempunyai pengimbas cap jari biometrik.

“Ini bagi mengelakkan penipuan dan pertindihan rekod. UNHCR juga akan mengadakan perbincangan dengan kerajaan untuk meneroka peluang meningkatkan lagi ciri keselamatan itu bagi mengelakkan kes penipuan pihak tidak bertanggungjawab,” kata-

nya semalam.

Beliau mengulas laporan *BH* kelmarin mengenai permintaan kerajaan supaya UNHCR mengemukakan proses saringan pelarian dengan sistem biometrik bagi mengekang kemasukan pelarian palsu.

Guna pakai sistem biometrik

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Alias Ismail berkata, pihaknya meminta UNHCR mengemukakan pakai sistem biometrik yang mengimbas cap



INFO

Pelarian palsu

Merujuk kepada pendatang yang masuk secara sah ke negara ini sebagai pekerja atau pelancong, namun bertindak melupuskan pasport mereka bagi mendapatkan status pelarian sebagai jalan pintas untuk tinggal di Malaysia sebelum ditempatkan ke negara ketiga.

jari setiap individu memohon status pelarian untuk dipadankan dengan data sistem biometrik di semua pintu masuk negara.

Pelarian palsu merujuk kepada pendatang yang masuk secara sah ke negara ini sebagai pekerja atau pelancong, namun bertindak melupuskan pasport mereka bagi mendapatkan status pelarian sebagai jalan pintas untuk tinggal di Malaysia sebelum ditempatkan ke negara ketiga.

Mengulas isu pelarian palsu, Yante menegaskan ‘tiada jalan pintas ke negara ketiga’ kerana penempatan itu hanyalah antara tiga penyelesaian bagi pelarian selain pulang ke negara asal secara sukarela atau integrasi dengan masyarakat setempat.

“Penempatan ke negara ketiga adalah opsyen bagi sebilangan kecil 10.4 juta pelarian di serata dunia. Setiap tahun, 80,000 pelarian ditempatkan ke negara ketiga.

“Angka ini pula bergantung kepada kekosongan tempat ditawarkan negara ketiga. Proses ini akan mengambil masa bersandarkan kepada populasi pelarian dan penempatan terhad,” katanya, sambil menjelaskan keutamaan penempatan ke negara ketiga mengikut keperluan dan kes setiap individu.

Bapa MB Johor meninggal dunia

Johor Bahru: Bapa Menteri Besar Johor, Nordin Johari, 81, meninggal dunia di Hospital Pakar Puteri di sini, jam 12 tengah hari semalam, akibat komplikasi buah pinggang dan sakit tua.

Jenazah Allahyarham dibawa pulang ke rumahnya di Bandar Uda Utama untuk dimandi serta dikafankan sebelum dibawa ke Masjid Taman Perling untuk disembahyangkan.

Jenazah Allahyarham dikuburkan di Tanah Perkuburan Islam Mahmoodiah, di sini sejurus solat Asar.

Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar, turut berkenan mencemar duli hadir ke majlis pengebumian selain Penasihat Majlis Agama Islam Johor (MAIJ), Datuk Noh Gadot dan Mufti Johor, Datuk Tahrir Shamsuddin.

Hadir sama bagi memberi penghormatan terakhir ialah ahli mesyuarat kerajaan Johor serta ketua jabatan negeri.

Difahamkan, Allahyarham dimasukkan ke Hospital Pakar Puteri di sini, sejak Selasa lalu, selepas mengadu sakit sebelum menghembuskan nafas terakhir di hospital sama.

Allahyarham bekas pegawai istana Johor, meninggalkan bahu, Marina Shukri, 72, tujuh anak, 17 cucu dan seorang cicit.



Khaled menyiram air mawar di pusara bapanya di Tanah Perkuburan Islam Mahmoodiah, Johor Bahru, semalam.

Myanmar bakal diheret ke ICC

Kuala Lumpur: Persatuan Pengguna Muslim Sedunia (IMCA) mahu mengheret Myanmar ke Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC) di The Hague, Belanda, berikutan tindakan pembersihan etnik dan pembunuhan beramai-ramai ke atas etnik Rohingya di wilayah Arakan.

Bagi tujuan itu, IMCA menubuhkan biro khas dikenali *Rohingya Desk* awal bulan ini dan sedang mengumpul dana untuk mem-

buat penyelidikan dan mendapatkan maklumat berkaitan sebelum mengemukakan kes berkenaan ke ICC.

Setiausaha Agungnya, Sheikh Abd Kareem S Khadaied, berkata pihaknya juga sedang men-

memorandum bantahan rasmi kepada Mailis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) supaya mengambil tindakan tegas ke atas Myanmar untuk menyelesaikan isu Rohingya.

Katanya, memorandum bantahan itu juga akan dipanjiangkan kepada Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan ASEAN, untuk tindakan negara anggota badan berkenaan.

"Kuasa dunia mesti campur tangan untuk hentikan penghapusan etnik Rohingya di Myanmar," katanya di pejabat IMCA di ibu negara, semalam.

Malaysia minta henti serang etnik Rakhine

Kuala Lumpur: Malaysia menyatakan kebimbangan dengan insiden kefanasan membabitkan masyarakat beragama Islam dan Buddha di Thandwe, Rakhine, Myanmar, yang berlaku sejak Ahad lalu.

Kerajaan juga menyifatkan kefanasan terhadap minoriti Islam yang setakat ini menyebabkan lima kematian dan beberapa rumah dibakar termasuk masjid, adalah tidak wajar.

Justeru, Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman, dalam satu kenyataan media di sini, semalam, menyeru Kerajaan Myanmar mengambil langkah positif dan berkesan bagi menghentikan kefanasan, termasuk pelanjaran hak asasi manusia terhadap masyarakat Islam di negara itu.

"Malaysia mempunyai keyakinan penuh Kerajaan Myanmar mampu menangani isu itu secara adil dan saksama," katanya.

Malaysia juga menyambut baik kenyataan Kerajaan Myanmar Rabu lalu untuk membawa pesalah ke muka pengadilan dan pembinaan semula rumah dibakar.

"Malaysia juga mengalu-alukan lawatan sulung Presiden Republik Kesatuan Myanmar ke Rakhine dari 1 hingga 3 Oktober lalu, di mana beliau bertemu dengan pemimpin masyarakat Islam dan Buddha bagi meredakan ketegangan," katanya.

Projek Selangor ancam Templer Park

» **Pembangunan komersial RM1.2b bakal lenyapkan hutan simpan**

Oleh Halina Mohd Noor
halina.mdnor@bh.com.my

» Selangor

Kawasan hutan Templer Park, warisan Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Al Hai bagi melindungi flora dan fauna bakal berkubur tidak lama lagi apabila kerajaan Selangor membangukannya sebagai kawasan komersial.

Kawasan seluas 260 ekar yang menempatkan pelbagai khazanah alam serta air teriun Kanching itu dijangka berubah sepenuhnya dengan pro-

jek perumahan dan perniagaan bernilai RM1.2 bilion.

4,000 penduduk bimbang

Cadangan pembangunan itu turut membimbangkan 4,000 penduduk dari 10 taman perumahan sekitar kawasan berkenaan kerana dikhuatiri menjejaskan fungsinya sebagai kawasan tadahan air.

Pengerusi Gabungan Persatuan Persatuan Penduduk Templer Park Resort (GPPPTP), Datuk Mukhtar Ismail, berkata penduduk memban-

tah keras cadangan pembangunan berkenaan.

"Kawasan ini dikurniakan Sultan Selangor pada 1954 bagi meniaga keselamatan binatang dan burung dan diwariskan sehingga 2020.

"Kerajaan Selangor dan Mailis Perbandaran Selangor (MPS) diminta jangan terlalu mementingkan cukai taksiran dan cai pembangunan tanpa menghiraukan pemeliharaan alam sekitar," katanya selepas menyampaikan notis bantahan pembangunan itu kepada Penolong Setiausaha MPS, Azhar Samsuri, di sini, semalam. Turut hadir wakil penduduk dari Taman Templer Suasana, Taman Templer Heritage, Templer Baiduri, Templer Villas, Templer Bistari, Templer Kenari, Templer Height, Templer Saujana dan Templer Takun.

Sementara itu, Ahli Jawatankuasa Perhubungan Perancangan Templer Golf Club (PTGC), Azizul Rahman Abdul

Wahab, berkata ahlinya membantah Cadangan Pindaan Guna Tanah Bagi Blok Perancangan (BP) 9.1 di atas tapak PTGC seluas 194.7 ekar itu.

Katanya, cadangan pembangunan itu akan menjejaskan struktur kawasan Templer Park daripada kepadatan rendah dan mesra alam kepada kawasan perumahan serta perniagaan berimpak tinggi.

Penahan angin lintang

"Kawasan ini penting kerana selain jadi tadahan air, pokoknya berfungsi sebagai penahan angin lintang," katanya.

Beliau berkata, jika pembangunan itu tidak dibendung, Templer Park akan hannya tinggal sejarah.

Dalam pada itu, Azhar berkata notis bantahan itu akan dihantar kepada Yang Diderua MPS, Mohd Azizi Mohd Zain untuk dibincangkan dalam Mesyuarat Tindakan Ekonomi Negeri, Khamis depan.

Ahli Parlimen Selangor, William Leong Jee Keen berkata, pihaknya tidak menyokong sebarang pembangunan baru membabitkan hutan simpan, tetapi pada masa sama tidak membantah pembangunan di PTGC.

"Pembangunan di PTGC tidak dapat dielakkan kerana ia berada dalam kawasan perumahan," katanya.

FAKTA NOMBOR

260 ekar

kawasan hutan simpan
Templer Park dikurniakan
Sultan Selangor pada 1954

72 jayakan program kesihatan

Kuala Lumpur: Seramai 72 sukarelawan daripada Media Prima Berhad (MPB), The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) dan Institut Jantung Negara (IJN) menyertai program kesihatan *Savangi Jantung Anda* siri keempat, semalam.

Penilaian kali ini adalah ke Pusat Rehabilitasi 1Malaysia, Seberang Takir dan Pusat Komuniti Banggol Binjai, Teoh, Kuala Terengganu, Terengganu.

Sebelum ini, program berkenaan menjejajah ke Kodiang, Kedah; Bukit Pasir, Muar dan FELDA Chini, Pahang.

Ketua Pegawai Eksekutif IJN, Tan Sri Dr Robaayah Zambahari, berkata lebih ramai doktor akan dibawa bersama sukarelawan kali ini bagi mengadakan pemeriksaan kesihatan secara percuma.

Katanya, ielaiah kali ini menyasarkan kira-kira 1,500 penduduk yang akan menyertai program berkenaan, termasuk melakukan pemeriksaan kesihatan yang diadakan.

"Usaha ini sebagai tanda prihatin kepada penduduk di kawasan luar bandar," katanya pada mailis pelepasan rombongan sukarelawan berkenaan di IJN, di sini, semalam.



Dr Robaayah dan Mania (tiga dari kanan) melepaskan konvoi program *Savangi Jantung Anda* di IJN, Kuala Lumpur semalam.

(FOTO SYARAFIO ABD SAMAD/BH)

Turut hadir, Pengerang Kumpulan Berita dan Hal Ehwal Semasa Rangkaian TV dan Radio MPB, Datuk Mania Ismail serta Eksekutif Perhubungan Awam dan Promosi IJN, Roshidi Zabidi.

Sementara itu, sukarelawan, Gerina Wong, 23, berkata, selain minat menjadi sukarelawan, program itu menanam semangat keprihatinan kepa-

da penduduk di luar bandar.

"Penduduk boleh membuat ujian kesihatan keseluruhan termasuk pemeriksaan kadar gula dalam badan, tekanan darah, jantung dan paras kolesterol," katanya.

Pelbagai program

Program dua hari yang bermula semalam, turut membabitkan ceramah kesihatan,

gotong-rovonng bersama penduduk kampung dan pemeriksaan kesihatan untuk kanak-kanak.

Program ielaiah itu turut disertai ahli Kelab 4x4 Redah dan kakitangan Adabi Consumer Industries Sdn Bhd, Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Seberang Takir dan Kelab Sukan dan Kebudayaan Kuala Nerus.

BERITA DI DALAM

15,000 belum daftar UNHCR

» MAPIM, NGO sedia maklumat pelarian Rohingya

Oleh Sved Azwan Sved Ali
sVedazwan@bh.com.my

Kuala Lumpur

Kira-kira 15,000 pelarian Rohingya belum berdaftar secara sah dengan Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Untuk Pelarian (UNHCR) di negara ini.

Jumlah itu berdasarkan pelarian etnik dari Myanmar terabit, yang mendaftar melalui talian hotline untuk mengikuti program bantuan Mailis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) dan Gabungan Persatuan Rohingya Sedunia (UWRO) sejak Mei lalu.

Majoriti pelarian Rohingya yang mendaftar dengan MAPIM dan UWRO belum mendaftar dengan UNHCR atau masih menunggu kelulusan status pelarian termasuk 5,000 pelarian Rohingya yang memasuki negara sejak awal tahun ini, ekoran konflik etnik di wilayah Arakan (Rakhine).

Setiasaha Agung UWRO, Ghiyathudeen Maulana Abdul Salam, berkata sehingga minggu lalu, 7,358 daripada 15,000 pelarian didaftarkan melalui program bantuan MAPIM/UWRO yang turut mengeluarkan surat akuan sementara bagi menesahkan identiti pelarian Rohingya.



Sebahagian etnik Rohingya ketika menghadiri proses pendaftaran dengan MAPIM/UWRO di Kuala Lumpur baru-baru ini.

(FOTO FARIZUL HAFIZ AWANG/BH)

Ya/Muslim Myanmar.

Surat akuan sementara

"Surat akuan sementara yang kita keluarkan mempunyai tempoh laku sehingga enam bulan untuk memudahkan pelarian yang masih diproses UNHCR," katanya kepada BH di sini semalam.

Kemuncak konflik etnik antara Rohingya Muslim dan etnik Rakhine Buddha di Arakan, menyebabkan lebih 200 mati, ratusan cedera dan 140,000 kehilangan tempat tinggal. Ia juga menjejaskan negara jiran dengan isu kebaniiran pelarian termasuk 30,463 pelarian Rohingya mendaftar dengan UNHCR di

Malaysia sehingga Ogos lalu.

MAPIM bekerjasama dengan UWRO, yang juga gabungan 32 badan bukan kerajaan (NGO) berkaitan Rohingya ditubuhkan pada 2012, mengambil inisiatif mendaftarkan dan mengeluarkan surat akuan kepada pelarian Rohingya/Muslim Myanmar yang menjadi penerima program bantuannya sejak Mei lalu.

Setiasaha Agung MAPIM, Abdullah Ismail, berkata surat akuan sementara menunggu kelulusan pendaftaran UNHCR itu bagi membantu pelarian Rohingya yang tidak mempunyai sebarang dokumen.

"Kita juga buat saringan sebelum keluar surat akuan sementara itu untuk bezakan pelarian Rohingya dari Myanmar dengan pendatang Bangladesh," katanya.

Pelarian disaring

BH yang mengikuti proses pendaftaran di pejabat MAPIM/UWRO di Kampung Baru, mendapati pelarian terabit disaring melalui ujian bahasa dan beberapa pemeriksaan fizikal sebelum didaftar sebagai penerima bantuan dan menerima surat akuan sementara yang dikeluarkan secara percuma.

Etnik Rohingya mewakili 28 peratus daripada 108,336 pelarian dan pemohon suaka politik yang berdaftar dengan UNHCR Malaysia sehingga Ogos lalu.

Tahun Melawat Malaysia



78 HARI LAGI



5,000 warga asing guna pas pegawai dagang jadi buruh

Nasional 18



Wanita enam anak raih RM15,000 sebulan jual daun ketum

Nasional 20

Pengantin salah bilik, tidur dengan pengapit

Dunia 34



Perjuang budaya bangsa

Waris, Juzzthin bangga popularkan loghat Negeri Sembilan menerusi lagu rap

PDRM kesal kenyataan Zahid diputarbelit

Sepang: Polis Diraja Malaysia (PDRM) kesal kerana kenyataan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, mengenai tindakan polis menembak penjenayah terlebih dulu dipolitikkan dan diputarbelitkan pihak tertentu.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar, berkata kenyataan itu sebenarnya menesahkan anggota polis bertindak mempertahankan diri ketika berdepan penjenayah bersenjata.

"Apabila nyawa kami (anggota polis) diancam, kami tidak ada jalan lain untuk mempertahankan diri," katanya

sambil menasihatkan orang ramai agar tidak mempercayai bulat-bulat berita yang disiarkan portal, yang sengaja mensensasi dan memutarbelit sesuatu berita.

Beliau ditemui sebelum berlepas ke Amerika Syarikat bagi menghadiri Perhimpunan Agung Tahunan Interpol ke-82 di Cartagena, Columbia, bermula 21 hingga 24 Oktober ini.

Mengulas mengenai perhimpunan Interpol yang menghimpunkan ketua polis negara dari seluruh dunia, Khalid berkata, ia penting dalam usaha mengurangkan jenayah secara kolektif.

Jenayah tiada sempadan

"Sekarang ini jenayah tak ada sempadan, jadi saya rasa amat penting untuk kami berjumpa dan berkenalan antara satu sama lain dalam kami mena-

“Apabila nyawa kami (anggota polis) diancam, kami tidak ada jalan lain untuk mempertahankan diri”

Khalid Abu Bakar,
Ketua Polis Negara

ngani jenayah merentasi sempadan," katanya.

Sementara itu, Khalid berkata, Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman akan menghubungi Naib Presiden PKR, N Surendran, pada bila-bila susulan persetujuannya untuk menvertai operasi pencegahan jenayah membabitkan senjata api.

"Tunggulah, kita akan hubungi apabila ada operasi yang membabitkan penjenayah bersenjata.

Beliau cuma perlu bersedia dipanggil pada saat akhir sekitar jam 2 atau 4 pagi apabila kita mahu mulakan operasi," katanya.

Khalid sebelum ini mengundang Surendran, untuk sama-sama mengikuti operasi membanteras jenayah yang dilakukan polis bagi mendapat gambaran sebenar mengenai kesukaran dan kritikalnya polis berdepan penjenayah bersenjata.